

27 APR 1998

SUKAN KOMANWEL: KTM TAMBAH PERKHIDMATAN UNTUK SUKARELAWAN

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- KTM Berhad akan menambahkan perkhidmatan komuter pada Ahad ini sempena perjumpaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan sukarelawan Sukan Komanwel '98 di Mines Resort City.

Seramai 16,000 sukarelawan dari seluruh negara dijangka menghadiri perjumpaan itu.

Menurut kenyataan KTM, perkhidmatan tambahan itu melibatkan sektor Pelabuhan Klang-Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur-Serdang pada waktu puncak dari pukul 6.30 pagi hingga 9.30 pagi.

Bagi sektor Pelabuhan Klang-Kuala Lumpur, perkhidmatan tambahan bermula pada pukul 6.02 pagi dan berakhir pada pukul 8.02 pagi dengan kekerapan 15 minit setiap perkhidmatan.

Bagi laluan Kuala Lumpur-Serdang, sebanyak 15 perkhidmatan termasuk 10 perkhidmatan tambahan akan diadakan mulai pukul 6.25 pagi dan berakhir pada pukul 8.45 pagi dengan kekerapan setiap 10 minit.

Semua sukarelawan dinasihatkan supaya membeli tiket pergi balik yang berharga RM3 ke Serdang di stesen permulaan bagi mengelak keadaan sesak.

-- BERNAMA

RV NAK